

27 MAY 1996

Nik Aziz-Air

KELANTAN HARGAI KESEDIAAN PUSAT UNTUK RUNDING SOAL AIR

KOTA BAHARU, 27 Mei (Bernama) -- Kerajaan negeri Kelantan berterima kasih kepada Kerajaan Pusat kerana sudi berunding untuk membantunya menyelesaikan masalah penswastaaan bekalan air di negeri ini.

Menteri Besar Datuk Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat berkata sikap positif kerajaan pusat itu dapat meringankan beban beliau dan rakyat Kelantan.

Rundingan yang akan diadakan nanti diharap dapat mencari jalan penyelesaian bagi mengatasi masalah itu, katanya kepada pemberita di pejabatnya.

Kerajaan negeri bersedia menimbang apa sahaja langkah yang boleh mengatasi masalah itu, kata Nik Aziz, yang dua minggu lepas mengakui ada unsur "paksaan" terhadap beliau untuk menandatangani dokumen bagi meluluskan projek penswastaaan air itu.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim, yang melawat Kelantan semalam, telah mencadangkan supaya kerajaan negeri berunding dengan kerajaan pusat mengenai soal itu demi kepentingan rakyat.

Anwar, yang menyatakan beliau akan melaporkan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai perkara itu, membidas kerajaan negeri kerana tidak membuat perancangan terperinci sebelum menswastakan bekalan air yang kini menyebabkan rakyat susah.

Nik Aziz berkata kerajaan negeri difahamkan sebelum ini bahawa ia tidak perlu merujuk kepada Unit Perancang Ekonomi (EPU) mengenai perkara itu.

"Kami berusaha hendak rujuk kepada EPU tetapi ada pihak yang menyatakan tidak perlu," katanya.

Beliau bersetuju dengan saranan Anwar supaya rundingan dengan kerajaan pusat mengenai soal itu tidak dijadikan isu politik.

Katanya, kenaikan caj air itu benar-benar dirasai bebanannya dan ini tidak dapat diterima oleh rakyat.

Program penswastaaan itu yang bernilai beratus-ratus juta ringgit diserahkan kepada Kelantan Water Sdn Bhd (KWSB) -- syarikat usahasama antara Thames Water dari England, yang memegang 70 peratus ekuiti dan Yayasan Kelantan Darulnaim yang memiliki 30 peratus ekuiti.

-- BERNAMA

AZZ AKD